

Di sebalik keiri

» Sembilan kampung menjadi sejarah di da

Oleh Hanneeyzah Bariah
Baharin dan Baharom
Bakar
bhkt@bh.com.my

Di sebalik keindahan Tasik Kenyir, Hulu Terengganu, sebagai antara lokasi tarikan pelancong, pasti ramai yang tidak tahu dasar tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara itu dahulunya merangkumi sembilan kampung yang menjadi kawasan penempatan penduduk terawal.

Ketika anda asyik menaiki bot menyelusuri tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara seluas 2,600 kilometer persegi itu, sebahagian dasar tasik indah itu menyimpan kenangan buat hampir 100 keluarga, yang kemudiannya terpaksa dipindahkan bagi memberi laluan kepada pembangunan Tasik Kenyir.

Tasik ini merangkumi 340 gugusan pulau kecil dan ia sebenarnya adalah kawasan pergunungan serta hutan belantara yang berada di atas paras air, selepas kawasan seluas 38,000 hektar di Tasik Kenyir ditenggelami air.

sekitar 100 keluarga.

Secara asasnya, permukaan Tasik Kenyir adalah dari Hulu Terengganu iaitu penghujung Sungai Terengganu. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941 dan serangan gajah liar di Hulu Terengganu menyebabkan ramai penduduk berhijrah ke kampung di Tasik Kenyir.

"Kampung ini dihubungkan dengan sungai dan perahu atau rakit sebagai pengangkutan utama. Pada masa itu, terdapat kira-kira 30 keluarga menetap di setiap kampung atau purata empat orang bagi sebuah keluarga," katanya.

Hampir semua penduduk bergantung kepada aktiviti pertanian padi bukit sebagai aktiviti utama. Kawasan kampung yang indah dan pasir sungai yang memutih pada ketika itu menggambarkan suasana kehidupan yang sungguh nyaman dan sangat meneňangkan.

Namun, penduduk di kampung ini diibaratkan hidup terpisah daripada penempatan lain berikutan kedudukannya yang agak jauh di tengah belantara dan terencil daripada pembangunan.

saja, sebaliknya kebajikan mereka tetap dibela dengan diberi pampasan sewajarnya.

Bagi memastikan pembangunan dirancang lancar, penduduk diminta berpindah ke kawasan penempatan baharu di Kampung Dura, Kuala Berang. Kerajaan tidak membiarkan mereka begitu saja. Mereka diberi pampasan 4.1 hektar tapak rumah, 0.8 hektar tanah sawah dan 2.4 hektar tanah kebun.

Transformasi hidup

Mohd Jidin berkata, walaupun pada mulanya penduduk kurang senang dengan pemindahan itu kerana sayangkan tanah kebun dan sawah yang luas, mereka akhirnya gembira kerana pemberian pampasan itu membantu mengubah corak hidup mereka serta menginjak sumber ekonomi ke tahap lebih baik.

"Pemindahan dan pemindahan ini menjadi satu transformasi hidup kepada mereka. Memang penempatan yang menjadi tempat kelahiran dan membesar mereka kini sudah lenyap ditenggelami air, semuanya tinggal sejarah.

"Tetapi, sejarah dan kenangan ini satu pengorbanan daripada mereka yang menjadikan Tasik Kenyir ini sebagai

Siap sepenuhnya pada 1984, Tasik Kenyir dibina untuk menjana kuasa elektrik bagi penduduk Terengganu khususnya dan negara amnya.

Lokasi pelancongan popular

Ia juga menjadi aset serampong dua mata Terengganu apabila ia kini semakin tersohor sebagai lokasi pelancongan popular, terutama bagi kaki pancing dari dalam dan luar negara.

Peluang menjejak sejarah asal usul Tasik Kenyir dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan kerajaan negeri juga menemukan kami dengan penduduk asal kampung di dasar tasik ini satu masa dulu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Mohd Jidin Shafiee, berkata, dasar tasik itu dulunya menempatkan sembilan kampung dikenali sebagai Kampung Melur, Kelitok, Berching, Petang, Mentong, Melaka, Kuala Terenggan, Kerbak dan Belimbing.

Sembilan kampung itu mengecil menjadi tiga kampung utama iaitu Kampung Melur, Kelitok dan Berching, dengan jumlah penduduk di ketiga-tiga penempatan itu

Sultan syorkan penduduk pindah

Penempatan ini juga pernah dilawati Almarhum Sultan Ismail. Susulan lawatan itu, baginda mengesyorkan supaya semua penduduk di kampung di sekitar Tasik Kenyir berpindah ke kawasan yang berdekatan dengan Kuala Berang.

Ini kerana baginda bera-sakan Tasik Kenyir terlalu jauh dengan pembangunan dan menyukarkan penduduk untuk berulang-alik.

Untuk ke pekan (kini bandar) Kuala Berang ketika itu, penduduk terpaksa menaiki perahu atau mendayung rakit yang mengambil masa dua hari perjalanan, sebelum terpaksa berjalan kaki hampir setengah hari untuk sampai ke pekan.

Pada tahun 1950-an, kerajaan negeri membuat keputusan untuk membangunkan Tasik Kenyir sebagai kawasan tadahan air atau empangan, bagi menjana tenaga elektrik, selain menjadikan kawasan itu tarikan pelancongan baharu.

Berikutan itu, penduduk di tiga kampung di dasar tasik itu diminta berpindah. Bagaimanapun, mereka tidak diarahkan berpindah begitu

dikan Tasik Kenyir ini sebagai satu punca sumber dan pusat pelancongan, rekreasi serta tempat pertumbuhan ekonomi baharu," katanya.

Kini, Tasik Kenyir sudah bertukar wajah. Lautan air dan pulau yang satu ketika dulu puncak bukit, pesat dibangunkan dengan pelbagai produk pelancongan seperti Taman Burung, Taman Herba, Taman Tropika dan Pulau Bebas Cukai di Pulau Bayas.



ndahan Tasik Kenyir


asarnya





Mat Yusoff dan Mat Arik, melihat bekas tapak penempatan yang pernah menjadi tempat kelahiran dan membesar mereka di Kampung Berching, Kampung Kelituk dan Kampung Melur, yang ditenggelami air **bagi memberi laluan kepada pembangunan** tasik berkenaan sebagai empangan serta lokasi pelancongan terkemuka.

BH
5/11/15
mks 10-11



Kayuh sa

Kenangan menghuni Kampung Melur, satu daripada tiga kampung di dasar Tasik Kenyir, yang kini ditenggelami air, tidak mungkin dapat dilupakan oleh Mat Yusoff Abdullah, 80.


Bersama keluarga mendiami kampung yang jauh terpisah dari penempatan lain ketika itu. Masih segar dalam ingatan Mat Yusoff cara hidup mereka yang bergantung penuh pada sumber alam untuk hidup, tanpa kisah hal wang ringgit.

“Ketika itu, penduduk kampung bertani dan bersawah untuk mendapatkan sumber makanan. Tak ada kedai jual barang pun. Orang kampung pun tak kisah pasal wang kerana bagi kami, wang tiada nilai.

“Nak beras, kami ambil dari padi yang diusahakan. Nak ikan, menjala di sungai, nak gula, ambil dari tebu, nak ayam, kami berburu di



Orang ramai berkesempatan **melihat gajah secara dekat** di Kenyir Elephant Conservation Village



ampan, jalan kaki 2 hari ke pekan

hutan. Hidup memang terasing, tetapi kami begitu rapat kerana kelompok kecil," katanya.

Mat Yusoff berkata, kebanyakan penduduk hanya keluar ke pekan untuk membeli garam dan pakaian. Itu pun hanya beberapa kali dalam setahun.

Berhubung melalui sungai

Katanya, untuk ke pekan Kuala Berang atau Kuala Terengganu, mereka keluar menyusuri sungai yang memakan masa dua hari ke Kampung Terengganu. Kemudian, perlu berjalan kaki beberapa jam untuk sampai ke pekan.

"Waktu itu, kita tak ada kenderaan lain, selain berjalan kaki dan menggunakan perahu atau rakit buluh menyusuri sungai untuk ke kampung lain. Perjalanan dari sebuah kampung ke kampung sebelah memakan masa

paling singkat dua jam dan paling lama sehari suntuk. Bayangkan kami bertarung nyawa menaiki rakit buluh meredah arus deras untuk ke pekan.

"Sebuah rakit atau perahu hanya boleh dinaiki empat orang dan kebiasaannya penduduk ke pekan bersama-sama dan bergilir-gilir mengayuh perahu atau rakit. Pernah ada kejadian rakit buluh dinaiki penduduk pecah kerana menempuh arus sungai deras," katanya yang ketika itu berusia belasan tahun.

Kubu bawah tanah

Mat Husin Yusof, 63, sempat bersekolah sehingga Tahun Dua di sekolah yang bertapakkan daun dan berinding kayu di kawasan perkampungan itu.

"Jangan fikir penempatan kami terpisah dari dunia luar, kami tidak bersekolah. Saya

masih ingat nama sekolah kami iaitu Sekolah Rendah Pasir Tekor. Anak-anak penduduk di tiga kampung bersekolah di situ dan di situlah kami mengenal ABC," katanya yang ketika itu tinggal di Kampung Kelitok.

Mat Husin berkata, beliau dilahir dan dibesarkan di rumah mereka di kampung itu bersama tiga beradiknya yang lain.

"Kami dipindahkan kira-kira 20 tahun sebelum empangan Kenyir dibina dan dasar tasik ini ditenggelami air. Jangan tidak tahu, setiap rumah di tiga kampung ini dilengkapi tempat perlindungan bawah tanah sebagai langkah keselamatan jika diserang komunis.

"Setiap kampung juga ada *homeguard* untuk mengawal keselamatan penduduk daripada serangan komunis dan golongan bapa juga memiliki kemahiran

menembak," katanya.

Seorang lagi bekas penghuni dasar Tasik Kenyir, Mat Arik Yusoff, 67, dari Kampung Kelitok, berkata biarpun dikelilingi pokok dan hutan belantara, penempatan itu juga tidak terkecuali daripada mengalami banjir kerana kedudukannya di tepi sungai dan bawah bukit.

Beliau berkata, apabila banjir melanda, banyak tanaman rosak dan ternakan mati.

Bagaimanapun, mereka bersyukur kerana perpindahan ke Kampung Dura, Kuala Berang, memberi rahmat dan rezeki yang lebih baik buat mereka.

"Kini kami mendiami rumah batu, malah boleh melihat anak cucu belajar di sekolah yang lengkap dengan pelbagai kemudahan-tersedia dekat dengan rumah, termasuk hospital dan kedai untuk membeli barang keperluan harian," katanya.